

ZOLON F.C. TABLETS

Zopiclone (7.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zolon F.C. Tablets
2. Bagaimana Zolon F.C. Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zolon F.C. Tablets
4. Cara menggunakan Zolon F.C. Tablets
5. Semasa menggunakan Zolon F.C. Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zolon F.C. Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Zolon F.C. Tablets

Zolon F.C. Tablets digunakan untuk membantu orang dewasa yang mengalami masalah tidur, sama ada sementara, jangka pendek atau jangka panjang. Ia digunakan untuk membantu masalah sukar tidur, terjaga di tengah malam, atau bangun terlalu awal.

Bagaimana Zolon F.C. Tablets berfungsi

Bahan aktif ubat ini ialah zopiclone. Zopiclone dikenali sebagai agen hipnotik dan penenang. Ia berfungsi dengan meningkatkan kesan bahan kimia semula jadi dalam otak yang dikenali sebagai GABA, yang memperlambatkan aktiviti otak. Ini membuatkan anda berasa tenang dan mengantuk, membantu anda tidur lebih cepat dan tidur lebih lama.

Sebelum menggunakan Zolon F.C. Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Zolon F.C. Tablets jika anda:

- hipersensitif terhadap zopiclone atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).
- mempunyai masalah hati yang teruk.
- mempunyai masalah pernafasan yang teruk.
- mempunyai apnea tidur yang teruk (keadaan di mana pernafasan terhenti dan bermula semula semasa tidur)
- mempunyai penyakit myasthenia gravis (penyakit yang menyebabkan kelemahan otot yang teruk).

Zolon F.C. Tablets tidak boleh digunakan pada kanak-kanak.

- Sebelum menggunakannya

Bincang dengan doktor anda jika anda mempunyai:-

- masalah buah pinggang atau hati.
- masalah kemurungan atau gangguan personaliti tertentu.
- sejarah penyalahgunaan alkohol atau dadah.

Mengandung dan penyusuan bayi

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan ubat ini.

Jangan ambil Zolon F.C. Tablets jika anda sedang hamil, kerana ia berkemungkinan boleh membahayakan bayi anda.

Zolon F.C. Tablets dirembeskan ke dalam susu ibu, oleh itu, penyusuan susu ibu tidak digalakkan semasa mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubut lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat- ubatan seperti berikut;

- Ubat antipsikotik (untuk keadaan kesihatan mental).
- Ubat tidur atau ubat hipnotik lain.
- Ubat untuk kegelisahan.
- Ubat antikemurungan tertentu.
- Ubat tahan sakit kuat (jenis narkotik).
- Antihistamin yang menyebabkan mengantuk (untuk alahan).
- Antibiotik seperti erythromycin dan clarithromycin.
- Ubat untuk merawat jangkitan kulat seperti ketoconazole, itraconazole.
- Rifampicin, ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan HIV.
- Ubat sawan, seperti phenytoin, phenobarbital dan carbamazepine.
- St John's Wort (suplemen herba untuk mood).

Jika anda akan menjalani sebarang prosedur atau pembedahan yang memerlukan ubat bius, sila maklumkan kepada doktor atau jururawat bahawa anda sedang mengambil Zolon F.C. Tablets

Cara menggunakan Zolon F.C. Tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Ambil 1 tablet sebelum tidur. Jangan mengambil lebih daripada dos yang ditetapkan.

Warga tua:

Doktor anda akan mulakan dengan dos yang lebih rendah (separuh tablet).

Kanak-kanak:

Tidak digalakkan

Individu yang mempunyai masalah hati: Doktor anda akan memulakan dengan setengah (1/2) tablet; dan jika perlu, dos boleh ditingkatkan kepada 1 tablet dengan berhati-hati.

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali sehari atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini mungkin menyebabkan mengantuk, kekeliruan, keletihan yang melampau. Dalam kes yang lebih serius, seseorang mungkin mengalami kehilangan keseimbangan, kelemahan otot, tekanan darah rendah, kesukaran bernafas, atau boleh menyebabkan koma.

Semasa menggunakan Zolon F.C. Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Zolon F.C. Tablets.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Ambil Zolon F.C. Tablets hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Zolon F.C. Tablets dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian**Memandu dan menggunakan jentera**

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini membuat anda merasa loya, pening, sakit kepala atau mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Zopiclone boleh menjejaskan konsentrasi dan koordinasi, menjadikan aktiviti seperti memandu atau mengendalikan mesin berbahaya. Risiko tindak balas yang perlahan dan kurang keupayaan untuk menilai adalah lebih tinggi jika ubat ini diambil dalam tempoh 12 jam sebelum melakukan aktiviti-aktiviti tersebut, terutamanya jika melebihi dos yang disyorkan, atau jika digabungkan dengan alkohol atau ubat lain yang mempunyai kesan penenang. Untuk keselamatan, elakkan daripada melakukan aktiviti yang memerlukan tumpuan sepenuhnya sekurang-kurangnya 12 jam selepas mengambil zopiclone.

Jangan ambil ubat ini melebihi 4 minggu, melainkan jika diarahkan oleh doktor. Penggunaan jangka panjang boleh mengurangkan keberkesanan (toleransi) dan meningkatkan risiko kesan sarak (*withdrawal effect*).

Rebound insomnia: Berhenti ubat secara tiba-tiba boleh menyebabkan masalah tidur yang lebih teruk, keresahan, atau perubahan mood. Adalah lebih baik untuk mengurangkan dos secara beransur-ansur.

Masalah ingatan (*amnesia*): Dalam kes yang jarang berlaku, kehilangan ingatan boleh terjadi, terutamanya jika anda terjaga daripada tidur terlalu awal selepas mengambil ubat ini. Pastikan anda mendapat tidur malam yang mencukupi.

Tingkah laku semasa tidur yang luar biasa: Sesetengah individu mungkin berjalan, makan, atau memandu semasa tidur tanpa menyedarinya. Jika perkara ini berlaku, hentikan pengambilan ubat dan berjumpa dengan doktor anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, Zolon F.C. Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sebarang kesan sampingan seperti berikut:

Paling biasa:

- rasa pahit atau rasa seperti logam sekitar mulut

Kurang biasa:

Gangguan saluran penghadaman yang ringan:

- loya dan muntah
- pening
- sakit kepala
- mengantuk
- mulut kering

Jarang berlaku:

Gangguan psikologi dan tingkah laku (kemungkinan besar berlaku pada golongan warga tua)

- mudah marah
- agresif
- kekeliruan
- kemurungan
- masalah ingatan (*anterograde amnesia*)
- halusinasi
- mimpi ngeri

Alahan

- geligata atau ruam

Sangat jarang

- pening
- gangguan koordinasi
- bengkak muka yang teruk (*angioedema*)
- reaksi alahan yang teruk (anafilaksis)
- peningkatan enzim dalam hati ringan hingga sederhana (serum transaminases, alkaline phosphatase)

Kesan-kesan sampingan lain:

Kesan-kesan penghentian ubat secara tiba-tiba:

- Insomnia berulang (masalah tidur yang semakin teruk)
- Kebimbangan, menggeletar, berpeluh, kegelisahan
- Kekeliruan, sakit kepala, degupan jantung laju atau berdebar-debar
- Delirium, serangan panik, mimpi ngeri, halusinasi
- sakit otot, kekejangan, masalah perut
- sawan (amat jarang berlaku)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan yang lain tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Zolon F.C. Tablets**- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut**- Rupa dan warna produk**

Tablet bujur cembung, berwarna putih disaluti filem, dengan ukiran "S||T" pada satu sisi dan skor "404" pada sisi lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
• Zopiclone

- Bahan tidak aktif

- Talc
- Titanium Dioxide
- Polyethylene Glycol 6000
- Magnesium Stearate
- Lactose
- Povidone
- Hydroxypropyl Methyl Cellulose
- Purified Water
- Alcohol 95%

- Nombor Mal

MAL09020983AZ

Pengilang

Taiwan Biotech Co.,Ltd
22, Chieh-Shou Road,
Taoyuan, Taiwan, R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

21/07/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)300525/00042